

KHUTBAH JUMAAT

Bersempena Sambutan Hari Antidadah Kebangsaan Tahun 2025

"PAKSA RELA, HIDUP CERIA"

(9 Mei 2025M/ 11 Zulkaedah 1446H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ، وَبَعَثَ النَّبِيَّ
مُبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ
أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ. فَقَدْ فَازَ
الْمُتَّقُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama mempertingkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita memperoleh kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Bersempena dengan Sambutan Hari Antidadah Kebangsaan pada tahun ini, maka khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk "***Paksa Rela, Hidup Ceria***".

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Kehidupan manusia sememangnya dipandu dengan peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah *subhanahu wata'ala*. Perkara yang berkaitan dengan halal dan haram adalah garis pemisah antara orang yang taat dan orang yang ingkar terhadap perintah Allah

subhanahu wata'ala. Menjadi tanggungjawab yang besar bagi setiap orang yang beriman untuk memelihara diri mereka daripada segala bentuk kemungkaran dalam kehidupan.

Hal ini dapat dilihat dalam sejarah umat yang terdahulu. Allah *subhanahu wata'ala* memberikan kelebihan kepada mereka sebagai suatu nikmat yang besar dalam kehidupan. Ada kaum yang dikurniakan kebijaksanaan dalam membuat bangunan. Ada juga yang diberi nikmat kekuatan dan kehebatan dalam peperangan. Malah ada juga yang dikurniakan nikmat rezeki dalam bentuk tanah yang subur untuk bercucuk tanam.

Namun, semua umat itu telah dibinasakan oleh Allah *subhanahu wata'ala* kerana sikap mereka yang lalai dan melampaui batas. Allah *subhanahu wata'ala* menurunkan azab-Nya dengan sekelip mata, sehingga mereka tidak sempat untuk berbuat apa pun. Inilah peringatan yang menjadi garis panduan bagi kita umat pada zaman ini. Azab ini merupakan sebuah peringatan yang besar supaya kita tidak mengikut jejak langkah umat yang terdahulu yang pernah diazab. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Kahfi, ayat ke 59:

وَتِلْكَ الْقُرَىٰ أَهْلَكْنَاهُمْ لَمَّا ظَلَمُوا وَجَعَلْنَا لِمَهْلِكِهِم مَّوْعِدًا (٥٩)

Maksudnya: *Dan penduduk negeri-negeri (yang derhaka) itu Kami telah binasakan ketika mereka melakukan kezaliman, dan Kami telah tetapkan satu masa yang tertentu bagi kebinasaan mereka.*

Kaum muslimin yang berbahagia,

Pada hari ini, kemaksiatan dan kemungkaran semakin berleluasa dan sebahagian umat Islam sudah tidak merasa malu lagi untuk melakukannya. Kebanyakan kemungkaran yang berlaku pada masa ini seperti mencuri, meragut, berzina, mencabul kehormatan dan bunuh; berpunca daripada penyalahgunaan dadah dan bahan-bahan terlarang atau beracun sebagai cara untuk mengkhayalkan diri. Antara contoh penyalahgunaan bahan terlarang ialah rokok, daun ketum, gam, aerosol, arak dan ubat batuk.

Kesan penyalahgunaan dadah dan bahan terlarang serta beracun ini adalah sama dengan kesan meminum arak kerana ia boleh menimbulkan ketagihan serta menghilangkan kewarasan akal. Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* pernah menyebut sebagaimana yang diriwayatkan daripada Ibnu Umar *radiallahu anhu* yang berbunyi:

((كُلُّ مُسْكِرٍ خَمْرٌ، وَكُلُّ مُسْكِرٍ حَرَامٌ ...))

Maksudnya: *Setiap yang memabukkan adalah arak dan setiap yang memabukkan itu adalah haram.*

(Hadis riwayat Imam at-Tirmizi)

Bermula dengan rasa ingin untuk mencuba, kemudian berakhir dengan kehancuran yang tidak pernah terjangka oleh sesiapa. Fikiran yang tenang menjadi kusut, jiwa yang tenteram menjadi serabut, badan yang sihat menjadi susut, keluarga yang harmoni

bertukar kelam-kabut, semakin berleluasa jenayah mencuri dan meragut, akhirnya masyarakat yang sedia tenat semakin mereput.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Usaha awal kerajaan menangani masalah dadah adalah melalui tindakan undang-undang bawah Akta Dadah Berbahaya 1952. Manakala pada tahun 1983, kerajaan telah mengisytiharkan dadah sebagai musuh nombor satu negara seterusnya mewujudkan Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983. Pindaan akta ini telah diwartakan pada 17 Oktober 2024 bagi meluaskan akses Rawatan dan Pemulihan kepada penagih dan penyalah guna dadah dan bahan serta menggalakkan rawatan dan pemulihan secara sukarela.

Pewartaan ini menjadi titik tolak kepada reformasi Rawatan dan Pemulihan yang memfokuskan perkhidmatan kepada rakyat yang mempunyai permasalahan dadah. Mereka boleh mendapatkan perkhidmatan secara sukarela melalui Rawatan Pemulihan Dalam Institusi (RPDI) dan Rawatan Pemulihan Dalam Komuniti (RPDK).

Program Rawatan dan Pemulihan yang dijalankan di bawah Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) meliputi 9 komponen kepulihan iaitu rawatan perubatan dan pendidikan kesihatan, pembentukan fizikal dan disiplin, bimbingan dan kaunseling, psikopendidikan, sivik dan tatanegara, latihan kemahiran vokasional, agama dan spiritual, sosial dan rekreasi serta integrasi masyarakat.

Merujuk data kepulihan klien yang telah dikeluarkan oleh AADK

berakhir November 2024, seramai 14,205 orang klien telah menjalani program Rawatan dan Pemulihan dan kekal pulih dari ketagihan dadah.

Bagi memupuk kesedaran bahaya dadah kepada masyarakat secara umumnya, pihak kerajaan melalui AADK juga menjalankan Program Pendidikan Pencegahan meliputi sekolah, tempat kerja, komuniti dan keluarga. Masyarakat perlu ada kesedaran dan bersama-sama memainkan peranan dalam menyalurkan maklumat berkaitan dengan aktiviti penagihan dadah dan bahan supaya kesan mudarat tersebut dapat dijaui. Usaha-usaha ini boleh dijalankan dengan setiap anggota masyarakat memainkan peranan menjaga komuniti tempat tinggal masing-masing supaya aktiviti penagihan dan penyalahgunaan dadah dan bahan dapat dicegah di peringkat awal.

Pada masa kini, trend penyalahgunaan dadah dan bahan telah bertukar daripada dadah berasaskan tumbuhan seperti ganja, heroin dan morfin kepada dadah sintetik seperti syabu, pil kuda, ekstasi dan lain-lain. Bahan dadah sintetik ini juga telah digunakan di dalam *flavorvape*. Pengambilan dadah jenis sintetik ini boleh mengundang jenayah kejam seperti yang pernah dilaporkan oleh akhbar Utusan Malaysia bertarikh 4 Disember 2024. Berita tersebut menyatakan bahawa seorang pemuda berusia 20-an sanggup menikam ibu kandungnya sehingga mati kerana disyaki berang ditegur menghisap *vape* yang mengandungi dadah.

Kaum muslimin yang dikasihi Allah,

Hukum penyalahgunaan dadah dan bahan dalam Islam adalah jelas,

iaitu haram. Pengharaman ini adalah kerana penyalahgunaan dadah dan bahan boleh mendatangkan kerosakan (*mafsadah*) yang besar, sama ada kemudaratan kepada diri sendiri, keluarga, masyarakat, mahupun menggugat kestabilan negara. Justeru, umat Islam wajib menghindarkan diri daripada penyalahgunaan dadah yang boleh mendatangkan akibat yang amat dahsyat. Pepatah Arab ada mengatakan:

الْوَقَايَةُ خَيْرٌ مِنَ الْعِلَاجِ

Maksudnya: *Mencegah itu lebih baik daripada mengubati.*

Kaum muslimin yang dimuliakan,

Bersempena dengan sambutan "Hari Antidadah Kebangsaan Tahun 2025" khatib ingin menyeru kepada jemaah agar kita bersama-sama membanteras penyalahgunaan dadah dan bahan terlarang serta beracun yang telah lama wujud dalam masyarakat. Tanggungjawab ini bukan hanya terletak di bahu pihak berwajib, bahkan membabitkan keluarga dan masyarakat.

Sebagai umat Islam, kita mempunyai tanggungjawab untuk menjaga diri, keluarga dan masyarakat daripada terjerumus dalam kancuh penyalahgunaan dadah dan bahan terlarang serta beracun ini. Jika kita langsung tidak ambil peduli urusan dalam keluarga dan masyarakat, malah membiarkan kemungkaran ini terus bermaharajalela, maka bersedialah untuk berhadapan dengan kesan buruknya.

Pada masa yang sama, masyarakat perlu mengubah stigma dan tanggapan yang negatif kepada klien yang sudah pulih sepenuhnya. Sebagai masyarakat yang prihatin dan budiman hendaklah menerima kembali mereka yang telah bertaubat dan tidak menghukum atau membiarkan mereka tanpa bantuan. Oleh yang demikian, mereka perlu diberi peluang untuk memperbaiki kelemahan diri dan kembali menjadi sebahagian daripada anggota masyarakat. Sikap yang positif daripada masyarakat amat diperlukan bagi memastikan golongan tersebut terus dibimbing dan dihargai.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran untuk dijadikan panduan dalam kehidupan kita, antaranya:

Pertama: Hukum penyalahgunaan dadah dan bahan adalah haram di sisi syariat Islam.

Kedua: Kesan penyalahgunaan dadah amat memudaratkan diri, keluarga, masyarakat dan negara.

Ketiga: Menjadi tanggungjawab keluarga dan masyarakat untuk menerima semula klien yang telah kembali pulih.

Marilah sama-sama kita menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah at-Taubah, ayat 71:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ
عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ
أُولَئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ (٧١)

Maksudnya: Dan orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahatan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ،
فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita terus mengimarahkan masjid dan surau dengan menunaikan solat fardu secara berjemaah. Pada masa yang sama, pastikan rezeki yang kita peroleh adalah daripada sumber yang halal lagi baik. Suburkanlah rasa hormat dan taat kepada para pemimpin serta kasih sayang sesama masyarakat. Perkukuhkanlah perpaduan ummah demi kestabilan, kemakmuran dan keharmonian masyarakat di Sarawak. Selain itu, kita hendaklah bersungguh-sungguh menghindarkan diri dan ahli keluarga daripada terjebak dengan penyalahgunaan dadah dan perjudian, agar kehidupan kita selamat, bahagia dan sejahtera.

Pada hari yang mulia ini juga, marilah kita memperbanyakkan selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا (٥٦)

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad sallallahu alaihi wasallam); wahai orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya, serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.*

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ
وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan, keamanan, keselesaan dan kemenangan dalam menghadapi musuh yang sentiasa mengganggu mereka. Angkatkanlah dan hilangkanlah daripada mereka bala bencana, kesedihan, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibu bapa kami,

ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin Islam negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami daripada melakukan rasuah dan sifat terkeji yang menyeleweng daripada peraturan dan undang-undang negara. Jauhilah kami dan keturunan kami daripada penyalahgunaan dadah. Jadikanlah kami ummah yang berkualiti, berintegriti serta cemerlang demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam seluruh nilai kehidupan kami. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan serta hindarilah kami daripada segala wabak penyakit dan kesempitan hidup.

رَبَّنَا أٰتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. اٰمِيْنُ،
اٰمِيْنُ يَا رَبَّ الْعٰلَمِيْنَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُم لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.